

# 276 pelajar UMS terbabit dengan Kursus Pengurusan Organisasi Pelajar 2014

UB 23.3.2014 B4

LABUAN: Seramai 276 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) terbabit dengan Kursus Pengurusan Organisasi Pelajar (KPOP) 2014.

Penyelaras Program, Norhana Nordin berkata, peserta berkenaan menyertai KPOP di UMS Kota

Kinabalu, UMS Kampus Antarabangsa Labuan dan Sekolah Pertanian Lestari (SPL), Kampus Sandakan sepanjang bulan Mac.

Katanya, KPOP adalah difokuskan kepada pelajar-pelajar universiti yang bermingat untuk menyertainya.

Ianya lebih terbuka kepada badan-badan pelajar seperti kelab, persatuan, sekretariat yang baharu menubuhkan sesebuah organisasi.

Kursus ini menekankan kaedah dalam pengurusan organisasi pelajar agar tatacara kepimpinan yang dibawalebih berstruktur dan teratur.

Malah pelajar akan diketengahkan juga kepentingan melibatkan diri dalam kepimpinan pelajar sebagai salah satu medan latihan dalam mengurus aktiviti dan program yang dianjurkan.

Sesungguhnya penyertaan dalam kepimpinan pelajar

tidak kira dariperingkat mana sekalipun akan memberikan ilmu yang berguna apabila meninggalkan dunia universiti.

Norhana berkata, objektif utama KPOP ialah untuk mendedahkan peserta tentang perkara-perkara yang perlu ada kepada seseorang pemimpin dan pengurus.

Selain itu, untuk mengetahui kaedah-kaedah pengurusan organisasi pelajar serta mengetahui tatacara penubuhan sesebuah badan pelajar khususnya di UMS.

"Kursus itu sebagai pendedahan kepada peserta mengenai penulisan laporan, surat dan minit mesyuarat yang betul dalam organisasi badan-badan pelajar," katanya.

Tambahnya, kursus itu juga untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam menguruskan sesuatu mesyuarat yang bakal dilaksanakan.

Seramai 168 pelajar menyertai kursus itu di Bilik Seminar, Anjung Siswa UMS Kota Kinabalu pada 7-8 Mac manakala 48 pelajar menjayakan kursus tersebut di Sekolah Pertanian Lestari Sandakan pada 14-15 Mac 2014.

Antara penceramah kursus itu ialah Masri Judah (Penolong Pendaftar Kanan, Sekolah Perniagaan Ekonomi) dengan Slot : Pengurusan Organisasi dan Penulisan Mesyuarat, Rohani Hadi (Penolong Pendaftar, HEP) Slot : Asas Penulisan Laporan,

Kim Asbiyallah Shah Akim Slot : Tatacara Penubuhan Badan Kelab dan Atikah Shaifuddin Slot : Laporan Kewangan.

Norhana tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Datuk Dr. Kassim Md Mansur dan Mohd. Raffie Haji Janau (Timbalan Pendaftar Kanan HEPA) yang banyak memberikan tunjuk ajar dan nasihat serta bimbingan untuk mengendalikan kursus tersebut.

Kursus itu dianjurkan Seksyen Rekod dan Latihan Pelajar, Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS.



PESERTA-PESERTA KPOP UMS Kota Kinabalu bergambar bersama Norhana dan urusetia.